

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan pihak FELCRA BHD di kawasan Parlimen Igan untuk meningkatkan hasil pendapatan para peserta tanaman kelapa sawit. Apakah pihak FELCRA BHD mempunyai perancangan meluaskan kawasan tanaman kelapa sawit. Berapa jumlah dividen yang telah dibayar oleh FELCRA BHD selama ini kepada setiap peserta dan senaraikan mengikut nama dan keluasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan tahap pengeluaran sawit yang optimum dapat dicapai supaya pulangan hasil yang lebih baik kepada peserta, FELCRA telah melaksanakan pemerkasaan pengurusan ladang termasuk ladang-ladang di kawasan Parlimen Igan.
2. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti mengadaptasi sistem penuaian yang lebih sistematik (*Block Harvesting System*) menerusi aplikasi sistem D10 di mana penuaian buah tandan segar dapat dituai secara optimum dan meningkatkan tahap pematuhan disiplin pekerja.

NO. SOALAN : 8

3. FELCRA juga mempertingkatkan penggunaan mekanisasi bagi pengurusan rumpai, pembajaan dan pemeliharaan tanaman. Di samping itu, penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan pertanian dan perparitan dilaksanakan secara berkala supaya ia berfungsi dengan baik.

4. Perancangan FELCRA Berhad untuk meluaskan kawasan tanaman sawit bergantung kepada kesesuaian dari segi keluasan dan daya maju kawasan yang akan dibangunkan. Sebanyak lapan (8) buah projek berkeluasan 453 hektar telah disenaraikan sebagai cadangan projek kawasan tanaman sawit baharu di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebuah projek tanaman sawit baharu melibatkan kawasan seluas 53 hektar dengan seramai 107 orang peserta di kawasan Parlimen Igan bakal dimajukan pada tahun 2020.

5. Jumlah dividen keseluruhan yang diterima oleh 2,009 orang peserta dalam Kawasan Parlimen Igan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM5.25 juta dan pada 2018 adalah sebanyak RM262,520.11.

6. Pencapaian purata produktiviti di Kawasan Igan adalah berada pada tahap yang baik iaitu 26 metrik tan per hektar. Namun, kejatuhan harga sawit telah memberi kesan penurunan kepada jumlah dividen tersebut. Selain daripada itu, elemen pembayaran balik hutang pembangunan berjadual berjumlah RM30 juta setahun turut menjejaskan pendapatan keseluruhan projek di Parlimen Igan. FELCRA telah bersetuju supaya bayaran balik hutang kos pembangunan ini ditangguhkan secara sementara bagi tahun 2019 sehingga 2020 bagi mengimbangi kejatuhan harga komoditi ini.

Sekian, terima kasih.